



KENYATAAN RASMI
25 Jun 2021

**PR1MA TELAH MELULUSKAN LANTIKAN KONTRAKTOR PENYELAMAT UNTUK
PROJEK RESIDENSI MELAKA TENGAH 2**

Petaling Jaya – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) ingin mengumumkan bahawa pihak pengurusan PR1MA telah meluluskan lantikan kontraktor penyelamat untuk projek Residensi Melaka Tengah 2 (MT 2) dan kerja-kerja di tapak pembinaan akan bermula Julai 2021.

Susulan pelantikan ini, kerja-kerja penyenggaraan dan penyediaan tapak akan dijalankan sebagai persediaan untuk kerja-kerja pembinaan dilaksanakan. Dengan lantikan ini, projek Residensi MT 2 dijangka akan dapat disiapkan pada awal tahun 2023.

“PR1MA berharap dengan lantikan ini, projek Residensi MT 2 ini dapat diteruskan secepat mungkin dan disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan sekaligus menjadi penyelesaian kepada tanda tanya mengenai status projek ini,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Pihak PR1MA akan memastikan pihak kontraktor yang dilantik akan melakukan penelitian dan tindakan sewajarnya dalam memastikan kualiti dan pembinaan menepati piawaian yang ditetapkan.

PR1MA memberi jaminan bahawa selepas lantikan ini, kontraktor penyelamat akan mengenalpasti kecacatan akibat kualiti kerja yang rendah dan juga kesan daripada projek yang lama tidak beroperasi (idling). Pihak yang dilantik juga akan memperbaiki dan memperbaharui segala kecacatan bangunan di tapak kelak.

Setakat 31 Mei 2021, status kerja pembinaan 980 unit Residensi MT 2 yang terletak di Mukim Balai Panjang, Daerah Melaka Tengah berada di tahap 64 peratus dan kemajuan projek telah terhenti sejak penamatan kontrak tersebut.

Sebelum ini, pihak pengurusan dan wakil PR1MA telah menjalankan sesi libat urus bersama wakil pembeli Residensi MT 2 dan semasa sesi tersebut, pihak PR1MA telah memberikan penerangan lanjut mengenai langkah-langkah yang diambil oleh PR1MA untuk menyelesaikan masalah ini serta mendengar kegusaran pihak pembeli. Berlandaskan perjumpaan ini, PR1MA akan terus mengadakan sesi libat urus bersama pihak pembeli di masa akan datang untuk memberikan informasi terkini mengenai progres kediaman mereka.



“PR1MA juga akan memastikan keseluruhan projek akan menepati piawaian keselamatan dan kualiti yang ditetapkan sebelum menyerahkannya kepada pihak pembeli,” katanya.

Untuk sebarang maklumat mengenai PR1MA, sila layari lawan sesawang PR1MA di www.pr1ma.my atau hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada cuti umum di Negeri Selangor) atau e-emel kepada info@pr1ma.my.

-TAMAT-